

**PERSEPSI GURU MATEMATIK TERHADAP PENGAJARAN DALAM
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN
UNIVERSITI, SKUDAI, JOHOR BAHRU**

NORMURNI YANA BT ROHANI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERSEPSI GURU MATEMATIK TERHADAP PENGAJARAN DALAM
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN
UNIVERSITI, SKUDAI, JOHOR BAHRU**

NORMURNI YANA BT ROHANI


**Tesis ini dikemukakan sebagai syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Sains Serta Pendidikan (Matematik)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**


2005 / 2006

PENGAKUAN

“Saya mengakui bahawa karya atau hasil nukilan kerja tangan saya tanpa menyunting daripada mana-mana sumber. Namun demikian, terdapat sesetengah nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :.....
Nama Penulis : Normurni Yana Bt Rohani
Tarikh :20/4/2006.....

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik)”

Tandatangan : 

Nama Penyelia : Tn.Hj. Kandar Selamat

Tarikh : 20-4-2006

DEDIKASI

Khas buat ayah, Rohani B. Kairon dan ibu, Salsah Bt Hasan serta keluarga tersayang kerana telah banyak memberi sokongan dan dorongan untuk menghasilkan kertas kerja ini. Tidak ketinggalan juga rakan-rakan seperjuangan, Nur Shadila, Wan Siti Nur Aisyah, Nor Fadhlina dan Sofiah Nuriyah yang telah banyak memberikan idea dan pandangan.

Terima kasih semua..

Semoga jasa kalian mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah dan kurniaNya dapat pengkaji menyiapkan Projek Sarjana Muda (PSM) dengan jayanya. Di kesempatan yang sangat berharga ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada pensyarah pembimbing iaitu, Tn.Hj. Kandar Selamat atas perbincangan, pandangan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh kajian dijalankan. Segala maklumat dan tunjuk ajar beliau banyak membantu pengkaji memperbaiki kajian.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada PM.Dr. Mohini Mohamed di atas pandangan yang diberikan serta semua pihak yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kertas kerja ini.

Sekalung budi juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan 5 SPM, teman yang dikasihi dan rakan-rakan lain yang banyak membantu pengkaji di kala susah dan senang dan juga sudi berkongsi idea untuk menyiapkan kertas kerja ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru Matematik terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Taman Universiti, Skudai, Johor. Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian, pengajaran dalam bahasa Inggeris melalui penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan ICT dan kaedah pengajaran dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 35 responden daripada 37 populasi terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah set soal selidik dan nilai kebolehpercayaan adalah $\alpha = 0.9557$. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science Version 10.0*). Hasil kajian mendapati guru Matematik menunjukkan persepsi yang tinggi terhadap kaedah pengajaran dalam bahasa Inggeris serta persepsi yang sederhana terhadap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian dan pengajaran dalam bahasa Inggeris melalui penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan ICT. Secara keseluruhannya, guru Matematik mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris dengan min 3.70. Diharap kajian ini dapat memberi kesedaran dan meningkatkan penguasaan diri guru terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris terutama dari aspek penguasaan bahasa penyampaian.

ABSTRACT

The purpose of this research is to survey perception of Mathematic's teacher towards teaching in English language at Sekolah-Sekolah Kebangsaan Taman Universiti, Skudai, Johor. The aspects that are study in this research are mastering in English language as presentation language, the use of teaching aids based on ICT and teaching methodology in English language. The number of respondents are 35 out of 37 population involved in this research. The instruments for this research is a set of questionnaires and the reliability is $\alpha = 0.9557$. The data was analyzed with descriptive statistics by using SPSS (*Statistical Package for Social Science Version 10.0*). The findings showed that Mathematic's teacher have high perception towards teaching methodology in English language and have moderate perception towards mastering in English language as presentation language and the use of teaching aids based on ICT. Overall, Mathematic's teacher have high perception towards teaching in English language with mean 3.70. Hope from this research can give consciousness and improve teacher's mastering towards teaching in English language especially in mastering presentation language.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Guru	11
	1.6.2 Pentadbir Sekolah	11
	1.6.3 Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri	11

1.7	Skop dan Batasan Kajian	12
1.8	Definisi Istilah	12
1.8.1	Persepsi	12
1.8.2	Guru Matematik	13
1.8.3	Pengajaran	13
1.8.4	Bahasa Inggeris	13
1.8.5	Bahasa Penyampaian	13
1.8.6	Penguasaan	14
1.8.7	Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berorientasikan ICT	14
1.8.8	Kaedah Pengajaran	14
1.9	Kesimpulan	15

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Penyampaian	17
2.2.1	Kepentingan Penguasaan Bahasa Inggeris	17
2.2.2	Kemahiran Berkomunikasi	18
2.2.3	Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Perkataan dalam Bahasa Inggeris	20
2.2.4	Kecekapan Memahami Istilah dan Konsep Matematik dalam Bahasa Inggeris	20
2.2.5	Kursus Bahasa Inggeris untuk Pengajaran Sains dan Matematik (ETeMS)	21
2.3	Pengajaran Guru Melalui Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berorientasikan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT)	22
2.3.1	Penggunaan Komputer dan LCD	23
2.3.2	Kemahiran dan Kecekapan Mengendalikan Peralatan ICT	24
2.3.3	Penggunaan Perisian, Perisian Komputer	25

	dan CD-ROM dalam pengajaran	
	2.3.4 Peruntukan dan Bantuan Kemudahan yang Disediakan oleh Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	27
2.4	Kaedah Pengajaran Guru	28
	2.4.1 Kaedah Kuliah	30
	2.4.2 Kaedah Inkuiri	30
	2.4.3 Kaedah Koperatif	31
	2.4.4 Aspek Bahasa dalam Pengajaran Matematik	31
	2.4.5 Komunikasi di antara Guru dan Murid	32
2.5	Kesimpulan	33
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	34
	3.2 Reka Bentuk Kajian	35
	3.3 Tempat Kajian	35
	3.4 Populasi dan Sampel Kajian	36
	3.5 Instrumen Kajian	36
	3.6 Prosedur Kajian	39
	3.7 Kajian Rintis	39
	3.8 Kaedah Analisis Data	41
	3.9 Kesimpulan	42
BAB IV	ANALISIS DATA	
	4.1 Pengenalan	43
	4.2 Analisis Latar Belakang Responden	45
	4.2.1 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Sekolah	45
	4.2.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jantina	45

4.2.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Umur	46
4.2.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Kelulusan Akademik	46
4.2.5	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Kelulusan Ikhtisas	47
4.2.6	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pengalaman Mengajar Matematik Dalam Bahasa Inggeris	47 48
4.2.7	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pengkhususan Pertama	48
4.2.8	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jumlah Waktu Mengajar Matematik Seminggu	49
4.2.9	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut ETeMS	50
4.3	Penganalisan Data mengikut Persoalan Kajian	50
4.3.1	Analisa Persoalan Kajian 1	52
4.3.2	Analisa Persoalan Kajian 2	54
4.3.3	Analisa Persoalan Kajian 3	56
4.4	Kesimpulan	

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan	58
5.3	Perbincangan	60
5.3.1	Persepsi Guru Matematik Terhadap Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Penyampaian	61

5.3.2	Persepsi Guru Matematik Terhadap Pengajaran Dalam Bahasa Inggeris Melalui Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berorientasikan ICT	63
5.3.3	Persepsi Guru Matematik Terhadap Kaedah Pengajaran dalam Bahasa Inggeris	65
5.4	Cadangan Tindakan	67
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	68
5.6	Kesimpulan	68
	Bibliografi	69

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai Sekolah-Sekolah Kebangsaan Taman Universiti, Skudai, Johor Bahru dan Bilangan Guru Matematik Tahun 1, 2, 3 dan 4 tahun 2006	36
3.2	Jumlah Item Mengikut Aspek yang Dikaji	37
3.3	Taburan Skala Lima Mata	38
3.4	Perubahan Skala Lima Mata	38
3.5	Keputusan Kajian Rintis Berdasarkan Indeks Alpha	40
3.6	Skala yang Digunakan Dalam Persoalan Kajian	41
3.7	Pecahan Kedudukan Berdasarkan Skor Min	41
3.8	Perubahan Markat dan Skala	42
4.2.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Sekolah	45
4.2.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jantina	45
4.2.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Umur	46
4.2.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Kelulusan Akademik	46
4.2.5	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Kelulusan Ikhtisas	47
4.2.6	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pengalaman Mengajar Matematik Dalam Bahasa Inggeris	47

4.2.7	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pengkhususan Pertama	48
4.2.8	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jumlah Waktu Mengajar Matematik Seminggu	48
4.2.9	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikuti ETeMS	49
4.3.1	Maklum Balas Responden Terhadap Setiap Item Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Penyampaian	50
4.3.2	Maklum Balas Responden Terhadap Setiap Item Pengajaran Dalam Bahasa Inggeris Melalui Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berorientasikan ICT	52
4.3.3	Maklum Balas Responden Terhadap Setiap Item Kaedah Pengajaran dalam Bahasa Inggeris	54
4.4	Min Bagi Setiap Aspek Yang Dikaji dan Purata Min	56

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur Kajian yang Dijalankan	39

SENARAI SINGKATAN

AS – Amat Setuju

ATS – Amat Tidak Setuju

CIE – Komputer Dalam Pendidikan

CD-ROM – Cristal Disk Read Only Memory

ETeMS – English Teaching For Mathematics Science

ICT – Teknologi maklumat dan komunikasi

KBSM – Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KS – Kurang Setuju

LCD – Liquid Cristal Display (Skrin Paparan Cecair Kristal)

OHP – Overhead Projektor

P&P – Pengajaran dan pembelajaran

PPSMI – Pelaksanaan Pengajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris

S – Setuju

SK – Sekolah Kebangsaan

SMK – Sekolah Menengah Kebangsaan

SPK – Sekolah Pendidikan Khas

SPSS - *Statistical Package for Social Science Version 10.0*

SRJKC – Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina

SRJKT – Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil

TS – Tidak Setuju

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	74
B	Nilai Alpha Cronbach Bagi Kajian Rintis	80
C	Salinan Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia (EPRD)	84
D	Salinan Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Johor	86
E	Salinan Surat Pengesahan Pelajar Fakulti Pendidikan, UTM	87

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

‘Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.’

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menyatakan dengan jelas bahawa hala tuju pendidikan adalah untuk memperkembangkan potensi individu dari empat aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) di samping patuh kepada Tuhan serta dapat membentuk individu yang berpengetahuan, berguna dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Pendidikan di Malaysia pada dasarnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tetapi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran telah berubah sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2003 yang mengkhususkan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar serentak di semua peringkat rendah dan menengah (Azman Anuar, 2003). Secara rasionalnya perubahan yang dibuat ini bertujuan untuk memperkasakan ilmu pengetahuan kerana bahasa Inggeris juga merupakan bahasa ilmu disamping bagi memastikan rakyat Malaysia mampu bersaing di peringkat global dan mengembangkan proses transformasi ilmu dan teknologi. Walaubagaimanapun, ia merupakan satu langkah awal untuk mengatasi masalah graduan yang menganggur berikutan dengan permasalahan berkenaan dengan penguasaan bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu dan bahasa perhubungan antarabangsa maka, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003 adalah tepat pada waktunya. Langkah ini akan membolehkan murid memperoleh maklumat mengenai perkembangan terkini dalam bidang Sains dan Matematik di samping meningkatkan kebolehan mengakses maklumat daripada pelbagai sumber. Pada masa yang sama ini memberi peluang kepada guru dan murid menggunakan bahasa Inggeris dan meningkatkan kecekapan berkomunikasi dalam bahasa tersebut (Pusat Perkembangan Kurikulum, Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia). Daripada kedua-dua pernyataan menunjukkan bahawa perubahan dasar terhadap bahasa pengantar yang dilaksanakan mempunyai rasionalnya yang tersendiri yang bakal menghasilkan impak yang besar kepada sistem pendidikan negara pada masa depan khususnya dalam melahirkan individu dan masyarakat yang berdaya maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) mula dilaksanakan pada tahun 2003 secara berperingkat mulai daripada murid Tahun 1 di semua sekolah rendah (SK, SRJKT, SRJKC) dan sekolah pendidikan khas (SPK), Tingkatan 1 di semua sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan Tingkatan 6 Rendah di semua sekolah menengah kebangsaan (SMK). Pada tahun 2004 pengajaran secara sepenuhnya dalam bahasa Inggeris akan

dilaksanakan di Program Matrikulasi, pada tahun 2008 di Politeknik sementara pada tahun 2003 pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris secara separa dilaksanakan di Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4, Tahun 5, Tahun 6, Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6 Atas, Program Matrikulasi dan Politeknik. Pengajaran secara separa merupakan pengajaran di mana guru memilih tajuk-tajuk tertentu untuk diajar dalam bahasa Inggeris dan bergantung kepada kemampuan guru dan murid (Portal mySchoolnet, Kementerian Pelajaran Malaysia).

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, pihak kementerian telah menyediakan bahan pengajaran yang diperlukan oleh guru terutama dari segi sukatan pelajaran yang telah diubahsuai dan bersesuaian dengan pendekatan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Di samping itu, sukatan pelajaran ini dilengkapi dengan huraian sukatan pelajaran yang memperincikan kurikulum. Selain itu, murid-murid juga disediakan buku teks, bahan-bahan multimedia dan lembaran aktiviti murid untuk memastikan proses pembelajaran murid terancang, mudah diikuti dan difahami oleh murid. Bahan sokongan lain yang disediakan seperti kemudahan teknologi maklumat iaitu komputer, perkakasan komputer, perisian, perkakasan multimedia seperti projektor dan LCD di samping rancangan TV pendidikan dalam bahasa Inggeris.

Dalam usaha pelaksanaan PPSMI ini, guru-guru merupakan penggerak utama dalam menjayakan kurikulum ini. Oleh itu, guru-guru diberi kursus intensif bahasa Inggeris sebelum pelaksanaan. Bagi mengukuhkan lagi pengajaran guru-guru, modul atau latihan maya daripada internet turut diberi serta dibekalkan dengan glosari dan skrip pelajaran. Dalam masa lima tahun ini (2003-2007) soalan peperiksaan berbentuk dwibahasa di mana murid-murid boleh memilih sama ada untuk menjawab dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Jawapan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya akan dilaksanakan pada tahun 2008 (Portal mySchoolnet, Kementerian Pelajaran Malaysia).

Strategi kerajaan dalam usaha melaksanakan PPSMI menunjukkan kerajaan memandang serius terhadap isu penggunaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat Malaysia. Walaubagaimanapun, jangkaan awal terhadap pelaksanaan PPSMI ini

akan menimbulkan pelbagai reaksi daripada banyak pihak. Wujud pendapat yang membangkang dan bersetuju terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris termasuklah golongan cendekiawan Melayu daripada Kongres Pendidikan Melayu Kedua yang menggesa kerajaan supaya mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik kerana bimbang mengancam kedaulatan bahasa dan jati diri orang Melayu (Utusan Malaysia, 27 Mac 2005).

Penguasaan lebih dari satu bahasa di kalangan pelajar Melayu akan menyebabkan mereka lebih dihormati disamping memudahkan mereka menyesuaikan diri di persada antarabangsa. Menurut Ahmad Najib (2002) dalam Ahmad Yusri (2002) berpendapat langkah kerajaan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik wajar diteruskan. Di samping itu, di kalangan guru juga menimbulkan pelbagai pandangan terhadap pelaksanaan PPSMI ini. Abdul Aziz (2002) daripada Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia berpendapat bahawa pasti lebih ramai pelajar luar bandar akan gagal dalam subjek Matematik dan Sains malah subjek Bahasa Inggeris jika kerajaan bertekad melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris secara mendadak.

Tidak kurang juga yang menerima secara positif. Menurut Kesatuan Guru dan Pertubuhan bukan kerajaan, isu ini perlu dikaji secara serius memandangkan bahasa Inggeris bukan sahaja dapat membantu golongan pelajar menguasai bahasa berkenaan dengan lebih baik malah juga mampu bersaing dengan pelajar-pelajar asing terutama dalam era globalisasi sekarang ini. Di samping itu juga, Yang Dipertua Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah, Alimudin pula mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menyediakan kursus dan kemudahan yang sewajarnya kepada guru yang terbabit (Utusan Malaysia, 10 April 2002).

1.2 Latar Belakang Masalah

Sejak PPSMI ini diperkenalkan, isu bahasa Inggeris semakin hangat diperkatakan walaupun isu ini seringkali dibincangkan. Banyak pihak yang mengatakan sejauhmana pelaksanaan PPSMI memberi kesan yang memberangsangkan kepada murid-murid, guru dan masyarakat sedangkan penggerak ke arah pencapaian kejayaannya bermula daripada penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri. Dilema penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat Malaysia tidak kira daripada mana-mana golongan sama ada tua atau muda yang terdiri daripada golongan terpelajar ataupun sebaliknya. Menurut Zulkifley (1994) dalam Ahmad Puad (2005), hanya terdapat kurang daripada 10 peratus rakyat Malaysia yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan rakyat Malaysia masih lagi di peringkat yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris. Tambahan pula, isu pengangguran di kalangan siswazah telah dikaitkan dengan isu penguasaan bahasa Inggeris. Oleh kerana bahasa Inggeris adalah bahasa utama di peringkat global, maka ia menjadi sandaran utama apabila memohon sesuatu pekerjaan. Jadi, ini merupakan satu kelebihan kepada sesiapa yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik (Ahmad Yusri, 2002).

Prinsip pendidikan guru sememangnya memberi penekanan terhadap kepentingan menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris (Ahmad Yusri, 2002). Tambahan pula dengan pelaksanaan PPSMI ini, guru-guru seharusnya berkebolehan untuk menyampaikan pengajaran dan seterusnya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, penguasaan guru dalam berbahasa Inggeris agak lemah dan akan menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran (Dzulkifli, 2003). Di antara faktor penyumbang kepada masalah ini adalah berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka semasa di pusat pengajian yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Kebanyakan guru sekolah rendah adalah lulusan Maktab Perguruan dan menggunakan perantaraan bahasa Melayu untuk belajar Matematik dan Sains. Apabila mereka mula menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar,

mereka menghadapi masalah untuk menterjemahkan istilah Matematik dan Sains kepada pelajar dengan tepat. Sebenarnya, keadaan ini juga berlaku di sekolah menengah biarpun guru-gurunya merupakan golongan siswazah. Apa yang jelas kebanyakan guru tidak cukup bersedia untuk mengajar di dalam bahasa Inggeris (Ismail, 2005).

Di sesetengah sekolah masih terdapat guru-guru yang masih bergantung sepenuhnya kepada buku teks dan tidak mahir berbahasa Inggeris (Ahmad Yusri, 2002). Berikutan dengan masalah berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris, akhirnya guru-guru mengajar di dalam bahasa Melayu biarpun buku teks di dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana bahan-bahan rujukan terkini adalah kebanyakannya daripada luar negara, menjadi satu masalah kepada guru untuk mentafsir maklumat yang terdapat dalam rujukan tersebut. Ini serupa juga berkenaan dengan pencarian maklumat menggunakan internet yang melibatkan perkongsian maklumat tanpa sempadan. Dalam satu kajian oleh sekumpulan guru sekolah rendah dari seluruh negara mendapati sebanyak 64 peratus guru sekolah rendah menghadapi kesukaran menggunakan internet kerana tidak faham bahasa Inggeris (Marzita, 2001).

Dalam dunia moden dan arus globalisasi yang berkembang pesat ini, bidang pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat pengajian dan di sekolah-sekolah juga turut sama merealisasikan penggunaan bahan dan peralatan berasaskan ICT. Tambahan pula, Mahathir (2002) telah mengumumkan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pelajar-pelajar akan menggunakan CD-ROM dalam pembelajaran mereka dan guru boleh mendapatkan bantuan ICT itu untuk membantu pelajar (Berita Harian, 22 Jun 2002). Antaranya ialah penggunaan komputer dan LCD yang dapat diklasifikasikan sebagai alat bantu mengajar.

Menurut Jumaat (2004) daripada kajiannya mendapati bantuan peralatan teknologi dan komunikasi seperti komputer riba, projektor LCD, skrin dan bahan interaktif yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran masih tidak digunakan sepenuhnya oleh guru-guru. Masalah ini timbul disebabkan guru-guru belum

mempunyai kemahiran pengendalian peralatan yang cukup. Di samping itu, guru-guru dibebani waktu mengajar yang banyak dan menyebabkan mereka mempunyai waktu yang terhad untuk membuat persediaan menggunakan komputer. Ini selari dengan kajian Rohani (2003) dalam Ahmad Puad (2005) tentang “Kesan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris” yang mendapati guru-guru Sains dan Matematik yang terlibat dalam pengajaran dalam bahasa Inggeris tidak mendapat latihan penggunaan peralatan dan ICT yang mencukupi. Oleh itu, guru-guru menghadapi masalah untuk mencari bahan-bahan sesuai yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Berhubung dengan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini, penggunaan bahan berteknologi merupakan langkah yang sangat efektif dan ideal pada zaman teknologi ini dan seterusnya membantu guru melaksanakan pengajaran dengan cemerlang. Memandangkan pendidikan alaf ke 21 memberi penekanan kepada penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, maka penggunaan bahan berteknologi mampu menjana penerokaan pembelajaran serta membentuk pemikiran pelajar yang kritis dan kreatif. Dengan bantuan alat pengajaran dan kelengkapan yang diberikan kepada guru-guru dalam pelaksanaan PPSMI ini, apakah persepsi guru-guru Matematik terhadap penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang seterusnya dapat memberi kesan kepada pemahaman pelajar?

Berkenaan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan guru menghadapi masalah dalam memberi pemahaman kepada pelajar terhadap tajuk yang diajar. Menurut Rohana (2003) daripada tinjauan yang dilakukan terhadap guru yang terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Kelantan menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi guru adalah apabila pelajar tidak faham apa yang disampaikan oleh guru berdasarkan faktor kefahaman pelajar dalam bahasa Inggeris yang lemah terutama dalam aspek perbendaharaan kata. Tahap pengetahuan pelajar juga berbeza. Maka pendekatan yang perlu dilakukan oleh guru perlu bertepatan. Bagaimanapun, dalam waktu mengajar yang terhad guru tidak boleh memberi

tumpuan kepada semua pelajar (Ismail, 2005). Maka apabila pengajaran diteruskan, pelajar yang mempunyai kecekapan berfikir yang rendah akan keciciran dalam pembelajaran. Oleh itu, adakah pengajaran secara dwibahasa sesuai untuk menangani masalah ini?

Daripada Jumaat (2004) melalui kajiannya bertajuk “Pandangan Pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Pengajaran Guru Matapelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris” mendapati kaedah pengajaran guru dwibahasa adalah disebabkan 60 peratus pelajar sukar memahami pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Selain itu, respon daripada pelajar juga mendapati mereka kurang bermotivasi untuk bertutur dalam bahasa Inggeris akibat pengajaran dalam dwibahasa ini.

Daripada Dzul kifli (2003) menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang tidak berkesan dan guru yang tidak bersedia dengan kemahiran yang diperlukan akan menyebabkan pelajar tidak mampu menguasai pembelajaran dengan baik. Memandangkan P&P Sains dan Matematik melibatkan kefahaman tentang konsep, jadi menerangkan dan memahami sesuatu konsep bukan perkara mudah kerana ia melibatkan proses-proses kognitif yang kompleks. Tambahan lagi, medium penyampaiannya berbeza. Untuk mengatasinya, guru perlu bermula dengan konsep yang mudah dan pendekatan yang sesuai untuk semua tahap kebolehan pelajar. Dalam hal ini, guru perlu bijak merancang dan mengendalikan pengajaran di dalam bilik darjah agar pengajaran guru berkesan.

Oleh yang demikian, ini merujuk kepada persediaan guru-guru untuk melengkapkan diri dengan bentuk pengajaran yang berbeza. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan telah menyediakan bantuan persediaan bagi para guru dalam merancang pengajaran berbahasa Inggeris misalnya skrip mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran (Portal mySchoolnet, Kementerian Pelajaran Malaysia). Namun begitu, sebagai seorang pendidik yang bergelar guru, seharusnya mempunyai anjakan paradigma terhadap perkembangan dunia pendidikan yang sedang melangkah ke alaf 21. Oleh

itu, setelah hampir empat tahun pelaksanaan PPSMI di sekolah, apakah persepsi guru-guru Matematik terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris?

1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada 2003 merupakan usaha kerajaan dalam menangani masalah penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru memainkan peranan penting sebagai penyampai pengajaran kepada pelajar. Memandangkan masih terdapat beberapa aspek yang perlu dikenalpasti berkaitan dengan pengajaran guru Matematik dalam bahasa Inggeris, maka pengkaji ingin meninjau persepsi guru-guru Matematik terhadap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian, pengajaran dalam bahasa Inggeris melalui penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kaedah pengajaran guru dalam bahasa Inggeris.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- 1.4.1 Meninjau penguasaan bahasa Inggeris guru Matematik sebagai bahasa penyampaian dalam pengajaran.
- 1.4.2 Meninjau pengajaran guru Matematik dalam bahasa Inggeris melalui penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- 1.4.3 Meninjau kaedah pengajaran guru Matematik dalam bahasa Inggeris.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah berdasarkan persepsi guru-guru Matematik terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris. Antara persoalan kajian ini ialah:

- 1.5.1 Apakah persepsi guru Matematik terhadap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian dalam pengajaran?
- 1.5.2 Apakah persepsi guru Matematik terhadap pengajaran dalam bahasa Inggeris melalui penggunaan alat bantu mengajar berorientasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?
- 1.5.3 Apakah persepsi guru Matematik terhadap kaedah pengajaran dalam bahasa Inggeris?